

22 OCT 1998

Abdullah-Ethiopia

MALAYSIA, ETHIOPIA TANDATANGANI TIGA PERJANJIAN KERJASAMA

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Malaysia dan Ethiopia hari ini menandatangani tiga perjanjian kerjasama dalam bidang ekonomi, saintifik dan teknikal serta perdagangan dan penggalakan perlindungan pelaburan.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mewakili Malaysia menandatangani ketiga-tiga perjanjian itu manakala Ethiopia diwakili oleh Menteri Perdagangan dan Industrinya Kasahun Ayele.

Majlis itu yang berlangsung di Jabatan Perdana Menteri, disaksikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Ethiopia, Meles Zenawi, yang sedang dalam rangka lawatan lima hari ke Malaysia.

Terdahulu, itu kedua-dua pemimpin itu mengetuai delegasi masing-masing pada satu perbincangan.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Abdullah berkata Malaysia menyatakan kesediaannya untuk membantu Ethiopia mengukuhkan institusi yang berkaitan dengan agensi pelaburan.

"Ethiopia pula ingin menimba pengalaman dari Malaysia dalam bidang perladangan iaitu penanaman kelapa sawit dan getah," katanya.

Abdullah berkata Dr Mahathir telah menawarkan latihan di bidang teknikal di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia yang diperlukan oleh Ethiopia.

Katanya Zenawi telah memberitahu Perdana Menteri bahawa Ethiopia yang kini bebas daripada masalah politik, bersedia menjalin hubungan dengan negara lain terutama dalam bidang kerjasama ekonomi.

Dalam hal ini, Malaysia mungkin mengadakan hubungan kerjasama di sektor perladangan seperti getah dan kelapa sawit dengan Ethiopia, katanya.

Pada pertemuan mereka, Dr Mahathir telah menerangkan kepada Zenawi mengenai langkah-langkah yang sedang diambil oleh Malaysia bagi mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi negara ini.

Abdullah berkata Perdana Menteri memberitahu pemimpin Ethiopia itu bahawa langkah-langkah itu telah menunjukkan perkembangan yang positif dalam memulihkan ekonomi negara.

-- BERNAMA

HAK MAI